

**Berita Harian : 26 Julai 2016**

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua  
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

## **ANCAMAN DADAH GUGAT GENERASI MUDA PERLU DITANGANI**

Kita telah dikejutkan dengan laporan media berkaitan warga emas Mek Som di Kelantan pada bulan Ramadhan 1437H kerana dipotong kakinya setelah enggan memberi kerjasama kepada seorang remaja yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Peranan ibu bapa dan keluarga sangat penting bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam gejala penagihan dan penyalahgunaan dadah.

Anak perlu dididik dengan penuh kasih sayang. Ibu bapa perlu mengawasi dengan siapa mereka berkawan. Pendedahan pendidikan agama yang menyeluruh pada peringkat kanak-kanak lagi perlu diterapkan untuk membendung anak terlibat dengan gejala sosial.

Pada perspektif yang lebih luas, kita faham bahawa penagihan dadah adalah masalah umum yang tidak mengenal batasan agama, bangsa, politik, negara, sosial dan budaya. Kita juga tidak boleh berdiam diri terhadap tindakan kejam dalam pengedaran dan penagihan dadah. Masalah ini perlu ditangani secara menyeluruh hingga ke peringkat puncanya.

### **Statistik AADK**

Negara mempunyai Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 yang mengawal antara lain simpanan, pengedaran, hukuman pengedar dan penyalahgunaan dadah. Bagaimanapun, jumlah mereka masih ramai dan belum mengalami penurunan yang ketara.

Statistik Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 2014, seramai 21,777 orang iaitu 62 peratus disahkan sebagai penagih baru dan 38 peratus sebagai penagih berulang. Lebih daripada 96 peratus pula adalah lelaki yang boleh ditafsirkan, seorang penagih bagi setiap 1,300 orang di sekeliling kita.

Taburan penagih juga tidak tertumpu kepada satu negeri sahaja. Jumlah penagih paling ramai pada tahun 2014 adalah di Pulau Pinang ( 2,780 orang), diikuti Perak, Kedah dan Selangor

### **Pengaruh kawan**

Tujuh daripada 10 penagih memulakan penagihan kerana pengaruh kawan dan perasaan ingin tahu. Lapan daripada 10 penagih adalah berumur 20 hingga 44 tahun ketika dikesan kali pertama menagih.

Selain itu, lebih daripada separuh merupakan buruh am, penganggur dan pekerja sambilan. Daripada maklumat ini, ia boleh dijadikan asas untuk tindakan selanjutnya bagi mengenal pasti penagih, pola pembekal dan seterusnya keberkesanan rawatan.

Sudah banyak tindakan dan program yang dilakukan. Tetapi hingga kini belum dapat lagi menjadikan negara ini sifar penagihan dadah.

Bagaimanapun, kita perlu sering diingatkan bahawa ancaman penagihan dadah ini sangat serius kerana ia akan menggagalkan perancangan pembangunan, kesejahteraan serta meruntuhkan kesatuan ummah.

Mereka yang terlibat ini merupakan golongan muda dan bangsa Melayu yang adalah pelapis serta penyumbang kepada pembangunan ummah dan negara masa depan.

### **Tindakan inovatif**

Kerajaan tidak seharusnya berlengah untuk melakukan apa sahaja tindakan yang inovatif dan sewajarnya. Negara memerlukan satu pendekatan berani, keras, tegas dan segera jika kita benar-benar serius dalam hal ini agar ummah tidak lemah.

Tindakan ini juga mestilah seiring dengan fokus utama untuk menghalang bekalan dadah untuk sampai ke penagih serta memulihkan penagih dadah secara berkesan.